

02 MAC 2017

## 'Runner' sedia hantar gam



RAHIMIN (kir) menunjukkan tin gam yang ditemui.

## 'Runner' sedia hantar gam

**Melaka:** Seorang janda muda berusia 27 tahun antara enam kaki hidu gam yang terkesima apabila 'banglo' mereka di Plaza Mahkota, di sini, diserbu Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), semalam.

Serbu jam 9.30 pagi di sebuah unit kedai dua pintu berhampiran pejabat pasukan Polis Marin di muara Sungai Melaka itu dilakukan berikutan mendapat maklumat dan aduan awam. Tiga pasangan berusia 17 hingga 27 tahun turut ditahan.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan JAIM Rahimin Bani berkata, operasi turut disertai penguatkuasa Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu menemukan pasangan terbabit nyenyak tidur dalam ruang kedai tinggal.

"Melalui pemeriksaan dilakukan, pasangan terbabit antara sebahagian kumpulan besar penghidu gam yang menjadikan unit terbabit sebagai port mereka selepas port lama dibersihkan pemilik bangunan sejak dua bulan lalu.

"Semuanya berasal sekitar Melaka dan kita tahan untuk pemeriksaan lanjut sebelum diserahkan kepada pihak berkaitan," katanya selepas operasi itu berakhir pada jam 11.30 pagi.

Rahimin berkata, penghidu gam yang ditahan dipercayai memasuki bangunan terbabit melalui tingkap belakang yang dirosakkan.

Katanya, siasatan awal mendapati ada dalam kalangan remaja perempuan ditahan, pernah mengandung dan menyerahkan anak yang dilahirkan kepada ahli keluarga atau orang lain.

"Apa yang lebih memeranjatkan, ada 'runner' yang sedia untuk menghantar bekalan gam ke unit terbabit jika bekalan terputus," katanya.

Semua yang ditahan disiasat mengikut Seksyen 53 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 kerana berkurung dan mendatangkan syak dan khalwat, manakala seorang remaja lelaki berusia 21 tahun diserahkan kepada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) kerana di bawah pengaruh syabu.